



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** pada **18 Januari 2024** sehingga **Jam 12.00** tengahari.

BUTIRAN TENDER	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
KERJA PENGUKUHAN CERUN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI HILIR TANDOP 'D' TERUSAN ARAU, WILAYAH I, MADA. [TENDER NO : MADA(T)/BPPP/P/3/2024]	28 Disember 2023 (Khamis) Jam 10.00 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan Jayadiri MADA E-I Simpang Empat, 02700 Simpang Empat, Perlis. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G4 Kategori CE Pengkhususan CE10 & CE21 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 100 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	18 Januari 2024 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** mulai **28 Disember 2023** sehingga **18 Januari 2024** sehingga **jam 12.00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.

3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dengan cara **pembayaran atas talian** di atas Penama **Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)**. Pembayaran melalui tunai dan cek tidak akan diterima.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor tender dan memasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 13/12/2023

Tandatangan

Nama

Jawatan



Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)